

**PERSEPSI MAJIKAN TERHADAP SIKAP DAN KEMAHIRAN
PELAJAR LATIHAN INDUSTRI SESI NOVEMBER 2014 KOLEJ
KOMUNITI KUALA LANGAT**

Karimah Umar¹, Nurhasyinda Shahidan²

Unit Perhubungan dan Latihan Industri,
Kolej Komuniti Kuala Langat

karimah@kkkla.edu.my, nurhasyinda@kkkla.edu.my

Abstrak

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji persepsi majikan terhadap pelajar Kolej Komuniti Kuala Langat yang menjalani Latihan Industri pada Sesi November 2014. Latihan Industri merupakan pendedahan awal kepada pelajar sebelum melangkah ke alam pekerjaan setelah menamatkan pengajian. Seramai 123 orang pelajar terlibat dalam kajian ini. Kaji selidik dilakukan dengan menggunakan Borang Penilaian Latihan Industri yang diisi oleh pihak majikan semasa lawatan penyeliaan dibuat oleh Pensyarah Penyelia. Skala Likert digunakan bagi mengukur hasil dapatan kajian. Dua aspek utama yang dinilai oleh pihak majikan ialah sikap/personaliti pelajar dan kemahiran yang dikuasai oleh pelajar. Penyelidik merumuskan bahawa majikan memberikan persepsi yang baik terhadap kedua-dua aspek yang dinilai iaitu aspek sikap/personaliti (4.0699) dan aspek kemahiran (3.9724) pelajar latihan industri secara keseluruhannya. Hasil dapatan kajian ini diharap dapat membantu pihak UPLI dan para Pensyarah mempertingkatkan dua aspek utama iaitu sikap/personaliti dan kemahiran agar berada pada tahap yang lebih baik.

Kata kunci: majikan, persepsi, Latihan Industri

1.0 Pendahuluan

Kolej Komuniti merupakan satu sistem pendidikan tinggi di Malaysia di bawah pengurusan Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti (JPKK), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Kolej ini merupakan institusi yang menyediakan keperluan latihan dan kemahiran pada semua peringkat dan memberi peluang pendidikan kepada lepasan menengah sebelum ke pasaran tenaga kerja atau melanjutkan pendidikan ke peringkat lebih tinggi.

Kolej Komuniti Kuala Langat adalah di antara 34 buah Kolej Komuniti yang ditubuhkan pada 1 Mac 2003. Pada awalnya, Kolej Komuniti Kuala Langat mula beroperasi di kampus sementara di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Banting dan kini telah mempunyai kampus induk yang terletak di Bandar Jugra. Seramai 50 orang pelajar rintis telah memulakan pengajian di kampus sementara ini pada 17 Jun 2003.

Kolej Komuniti Kuala Langat menawarkan enam kursus peringkat sijil iaitu Sijil Aplikasi Perisian Komputer, Sijil Akauntansi, Sijil Pelancongan dan Pengembaraan, Sijil Animasi 2D, Sijil Pemasangan Elektrik dan Sijil Rekabentuk Perabot. Para pelajar yang mengikuti kursus sepenuh masa diwajibkan untuk menjalani program Latihan Industri (LI) pada semester akhir pengajian sebagai salah satu syarat penganugerahan Sijil Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi (Garis Panduan Latihan Industri (BKK,JPKK), (2015)).

Program Latihan Industri (LI) adalah merupakan satu kursus penting di dalam kurikulum pengajian di Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi di mana pelajar akan ditempatkan di syarikat atau jabatan kerajaan yang bersesuaian untuk tempoh 1 semester iaitu selama 16 minggu

((Garis Panduan Latihan Industri (BKK,JPKK), (2015)). Latihan yang dijalani oleh pelajar dapat mendedahkan mereka kepada alam pekerjaan sebenar terutamanya dari aspek aplikasi pengetahuan yang dipelajari di kolej, perhubungan kemanusiaan dan etika serta amalan keselamatan di tempat kerja. Menurut Penny Lorento dalam artikel About.com, Latihan Industri merupakan peluang yang terbaik untuk mempelajari apa yang dikehendaki oleh bakal majikan. Menurut beliau, antara faktor yang diberi keutamaan oleh pihak industri adalah seperti beretika, bertanggungjawab dan berdikari, integriti, keyakinan diri yang tinggi dan bermotivasi.

Briggs dan Hodgsm (2000) menyatakan bahawa kelemahan paling ketara oleh graduan adalah dalam penguasaan kemahiran komunikasi. Kemahiran komunikasi ini penting kepada graduan kerana ia merupakan antara keperluan yang diperlukan oleh pihak majikan (Ahmad Esa, 2005). Kemahiran 'soft skills' ini perlu dimiliki oleh graduan agar dapat menjadi seorang pekerja yang berketrampilan dan berkeupayaan tinggi dalam melaksanakan tugas yang diberi.

Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI) bertanggungjawab menguruskan dan memastikan semua aktiviti yang berkaitan dengan latihan industri seperti penempatan pelajar, lawatan penyeliaan, penilaian dan penyediaan markah penilaian Latihan Industri berjalan dengan lancar. Pihak UPLI juga perlu menjalin kerjasama yang baik dengan pihak majikan bagi memudahkan perancangan aktiviti latihan, kemudahan latihan, pengawasan serta penyeliaan ke atas pelajar.

Selain itu, UPLI juga bertanggungjawab menganalisa maklumbalas daripada pihak majikan terutamanya sikap dan kemahiran pelajar semasa menjalani latihan industri. Majikan akan memberi maklumbalas terhadap pelajar melalui Borang Penilaian Latihan Industri yang perlu diisi semasa lawatan penyeliaan dilakukan oleh Pensyarah Penyelia. Antara maklumbalas yang diterima dari pihak majikan adalah berkaitan dengan masalah kehadiran, disiplin, komunikasi, ingkar arahan dan tidak menyelesaikan tugas yang diberikan.

Adalah diharapkan dengan kajian yang dijalankan ini dapat membantu mempersiapkan diri pelajar untuk menjalani Latihan Industri dengan menerapkan kriteria-kriteria yang mendapat perhatian majikan agar pekerja yang lebih kompeten serta berkemahiran tinggi dapat disalurkan kepada industri atau majikan sebagai memenuhi keperluan industri (Rashidah, Nurhuda, 2010).


1.1 Persoalan Kajian

Kajian ini adalah berdasarkan soalan kajian berikut:

- i) Apakah tahap persepsi majikan terhadap sikap/personaliti pelajar Latihan Industri Sesi November 2014 bagi enam (6) program pengajian?
- ii) Apakah tahap persepsi majikan terhadap kemahiran pelajar Latihan Industri Sesi November 2014 bagi enam (6) program pengajian?
- iii) Apakah program pengajian yang paling lemah bagi aspek sikap/personaliti?
- iv) Apakah program pengajian yang paling lemah bagi aspek kemahiran?
- v) Apakah kriteria/item yang paling lemah bagi aspek kemahiran mengikut enam (6) program pengajian?
- vi) Apakah kriteria/item yang paling lemah bagi aspek sikap/personaliti mengikut enam (6) program pengajian?

2.0 Sorotan Kajian

2.1 Kerangka Konseptual Kajian



2.2 Kajian-Kajian Lepas

Penyelidik telah menemui kajian-kajian yang telah dijalankan oleh beberapa penyelidik lain berkaitan tajuk kajian sebelum menjalankan kajian ini.

Di dalam satu kajian yang dijalankan oleh Shirley Philip, Wan Fadhilah bin Wan Hitam dan Lenny Lai Mei Lan (2011) terhadap pelajar Kolej Komuniti Mas Gading daripada Sijil Teknologi Maklumat (STM) dan Sijil Landskap dan Pengurusan Nurseri (SLP) mendapati bahawa prestasi keseluruhan pelajar adalah pada tahap sederhana bagi aspek sikap/personaliti dan kemahiran. Ianya adalah berdasarkan kepada analisis kekerapan dan min skor keseluruhan bagi kedua-dua aspek yang dinilai. Responden yang terlibat adalah merupakan pelajar STM dan SLP yang telah menjalani latihan industri pada Sesi Januari 2010, Julai 2010, Januari 2011 dan Julai 2011.

Menurut Sharifah Hana Abd Rahman, Zaini Yusnita Mat Jusoh, Rabi'ah Muhammad Serji dan Maffuzah Salleh (2015) di dalam kajian sorotan mereka yang bertajuk Faktor-Faktor Kepuasan Majikan Terhadap Pelajar Latihan Industri Di Institut Pengajian (IPT), menyimpulkan bahawa tahap kepuasan majikan bergantung kepada empat perkara utama iaitu penguasaan ilmu, sahsiah dan pembawaan diri yang baik, kemahiran generik dan juga kemahiran insaniah seperti kemahiran komunikasi, kemahiran berfikir dan penyelesaian masalah, kemahiran bekerja secara berpasukan dan juga etika moral dan professional. Pelajar bukan sahaja perlu menguasai kemahiran teknikal malah kemahiran 'soft skills' yang lain seperti kebolehan berbahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain mampu memberi nilai tambah kepada pelajar setelah melangkah ke alam pekerjaan sebenar.

Selain itu, satu kajian tinjauan untuk mengetahui prestasi pelajar Latihan Industri bagi Program Sijil Perakaunan Perniagaan (SPP), Kolej Komuniti Kuala Langat telah dilakukan oleh Rashidah Abu dan Nurhuda Nizar (2009). Hasil dapatan kajian menunjukkan prestasi pelajar SPP adalah pada tahap baik dan sederhana bagi aspek sikap/personaliti dan kemahiran berdasarkan analisis kekerapan dan min skor keseluruhan bagi kriteria-kriteria yang dinilai untuk kedua-dua aspek tersebut. Kriteria yang mendapat min yang rendah perlu diberi perhatian. Kriteria 'melaksanakan tugas dalam jangka masa yang ditetapkan mendapat skor bagi kekerapan yang terendah iaitu "Amat Lemah". Manakala, bagi aspek kemahiran, kriteria 'mampu bekerja sendiri dengan pengawasan yang minimum' mencatatkan min terendah. Secara keseluruhannya, prestasi pelajar bagi aspek kemahiran berada di tahap sederhana mengikut persepsi majikan.

3.0 Metodologi Kajian

3.1 Rekabentuk Kajian

Kajian yang dilakukan adalah berbentuk deskriptif yang menggunakan sepenuhnya borang soal selidik. Data yang diperolehi dikumpul mengikut program pengajian di mana analisa dilakukan terhadap dua aspek utama iaitu sikap/personaliti dan kemahiran pelajar. Instrumen utama kajian ini adalah borang soal selidik iaitu Borang Penilaian Latihan Industri yang ditetapkan dalam Garis Panduan Latihan Industri daripada Bahagian Kolaborasi dan Keusahawanan, Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi. Borang ini diisi oleh majikan semasa lawatan penyeliaan latihan industri dijalankan dan dikembalikan kepada Pensyarah Penyelia. Pensyarah Penyelia menyerahkan borang tersebut kepada UPLI bagi membolehkan jumlah markah penilaian pelajar dikira dan ditentukan gred dan keputusan.

Menurut Mohd. Majid (1990), soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan kerana penggunaannya dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerakbalas yang diberikan oleh responden. Selain itu, ia juga mudah dilaksanakan dan sesuai untuk kumpulan responden yang agak besar serta dapat mengenalpasti permasalahan yang dihadapi pelajar dengan lebih baik selain dapat menjimatkan masa, kos dan tenaga pengkaji serta responden.

3.2 Populasi dan Persampelan

Populasi pelajar Kolej Komuniti Kuala Langat yang menamatkan Latihan Industri pada Sesi November 2014 adalah seramai 123 orang pelajar. Responden ini dikategorikan mengikut program pengajian iaitu Sijil Akauntansi (6 orang), Sijil Pelancongan dan Pengembaraan (11 orang), Sijil Animasi 2D (19 orang), Sijil Rekabentuk Perabot (14 orang), Sijil Aplikasi Perisian Komputer (28 orang) dan Sijil Pemasangan Elektrik (45 orang). Penyelidik menjadikan semua bilangan populasi (N) sebagai sampel (s) kajian.

3.3 Skop Kajian

Kajian ini meliputi pelajar di Kolej Komuniti Kuala Langat (KKKL) yang berada di bawah kelolaan Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti (JPKK), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Hasil dapatan kajian ini memberi impak dan membantu menambahbaik dari segi aspek persediaan pelajar latihan industri dari semua sudut yang telah dikupas dalam kajian ini. Di samping itu, dapatan ini amat berguna kepada pihak pengurusan atau ahli akademik agar merancang aktiviti yang bersesuaian dan mengenalpasti aspek yang perlu diberi penekanan sebelum seseorang pelajar melangkah ke bahagian yang lebih mencabar iaitu latihan industri. Manakala dari sudut kebolehpasaran pelajar, kajian ini adalah satu persediaan awal agar lepasan graduan yang bakal dilahirkan menjadi rebutan majikan atau industri yang gah dan terkenal sebelum menamatkan pengajian. Kajian lanjutan boleh diperluaskan lagi melibatkan setiap sesi Latihan Industri bagi melihat perbandingan persepsi majikan terhadap pelajar secara menyeluruh.

3.4 Instrumen Kajian

Dalam peringkat untuk mendapat atau mengumpulkan data, instrumen berbentuk borang soal selidik yang terbahagi kepada dua (2) bahagian iaitu Bahagian A1: Sikap/Personaliti Pelajar dan Bahagian A2: Kemahiran dan diisi oleh majikan semasa lawatan penyeliaan dilakukan. Penyelidik telah menggunakan Skala Likert 5 poin dalam semua item soal selidik. Poin yang tertinggi adalah 5 sementara yang paling rendah adalah 1. Poin ini dikelaskan seperti berikut:

1	2	3	4	5
---	---	---	---	---

Amat Lemah	Lemah	Memuaskan	Baik	Amat Baik
------------	-------	-----------	------	-----------

Jadual 1: Skala Likert

3.5 Borang Soal Selidik

Jadual 2 menunjukkan pecahan item soal selidik dalam Borang Penilaian Latihan Industri.

Bahagian	Nombor Item Soalan	Jumlah Soalan
A1: Sikap/Personaliti Pelajar	1 hingga 10	10
A2: Kemahiran	11 hingga 20	10

Jadual 2: Ringkasan Kandungan Borang Soal Selidik

3.6 Kaedah Analisis Data

Data daripada soal selidik yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences versi 19 (SPSSv19). Data yang diperolehi ditunjukkan dalam bentuk min dan frekuensi (peratus). Bagi menerangkan data dengan lebih jelas penyelidik memaparkan data melalui kaedah jadual dan graf. Tafsiran skor min dapatan kajian bagi mengukur persepsi majikan adalah seperti Jadual 3.

1.00 – 1.80	1.81 – 2.60	2.61 – 3.40	3.41- 4.20	4.21 – 5.00
Amat Lemah	Lemah	Memuaskan	Baik	Amat Baik


Jadual 3: Tafsiran skor min

4.0 Dapatan Kajian

4.1 Hasil Dapatan

4.1.1 Demografi Responden: Program Pengajian

Merujuk kepada Rajah 1, responden di kategorikan mengikut program pengajian melibatkan sebanyak enam(6) program yang ditawarkan di Kolej Komuniti Kuala Langat.



€

Rajah 1: Bilangan Responden Mengikut Program Pengajian

Program yang paling ramai adalah daripada Sijil Pemasangan Elektrik seramai 45 orang pelajar iaitu 36.6% manakala hanya 6 orang pelajar iaitu 4.9% terdiri daripada pelajar Sijil Akauntansi.

4.1.2 Persepsi majikan terhadap sikap/personaliti pelajar dan kemahiran

Pihak majikan telah menilai pelajar latihan industri melalui dua aspek iaitu Aspek A1: Sikap/Personaliti pelajar dan Aspek A2: Kemahiran.

4.1.2.1 Persepsi majikan terhadap sikap/personaliti pelajar

Persoalan Kajian 1: Apakah tahap persepsi majikan terhadap sikap/personaliti pelajar Latihan Industri Sesi November 2014 bagi enam (6) program pengajian?


Penyelidik merumuskan bahawa majikan memberikan persepsi yang baik terhadap sikap/personaliti pelajar latihan industri secara keseluruhannya. Ini kerana purata min menunjukkan 4.0699 iaitu berada di tahap baik.

BIL.	ITEM A1 : Sikap dan Personaliti	MIN	TAHAP
1)	Disiplin	4.21	Amat Baik
2)	Kehadiran dan ketepatan masa pelajar semasa menjalani latihan.	4.11	Baik
3)	Bersedia menerima tugas yang diberi.	4.29	Amat Baik
4)	Sentiasa mematuhi arahan dalam melaksanakan tugas.	4.36	Amat Baik
5)	Melaksanakan tugas dalam jangka masa yang ditetapkan.	3.86	Baik
6)	Dapat menyesuaikan diri dengan kakitangan syarikat.	4.33	Amat Baik
7)	Kebolehan bekerja dalam satu pasukan.	4.33	Amat Baik
8)	Kemahiran berkomunikasi dengan kakitangan syarikat.	3.98	Baik
9)	Kebolehan bekerja sebaga iketua kumpulan.	3.59	Baik
10)	Kebolehan berunding dengan pelanggan.	3.63	Baik
PURATA MIN		4.0699	

Jadual 4: Persepsi majikan terhadap sikap/personaliti pelajar latihan industri

Persoalan Kajian 3: Apakah program pengajian yang paling lemah bagi aspek sikap/personaliti?

Jika diteliti dengan lebih mendalam, Rajah 2 membuktikan program pengajian yang paling lemah bagi aspek/personaliti adalah daripada Sijil Rekabentuk dan Pembuatan Perabot iaitu membawa min purata sebanyak 3.7643 dan berada di tahap baik.



Rajah 2: Min mengikut program pengajian bagi sikap/personaliti

Sijil	Mean									
	S1	S2	S3	S4	S5	S6	S7	S8	S9	S10
Sijil Akauntansi	4.50	4.50	4.50	4.50	3.83	4.87	4.50	4.00	4.17	4.00
Sijil Pelancongan dan Pengembaraan	3.45	3.45	3.82	4.18	3.64	4.36	4.45	4.00	3.18	3.45
Sijil Animasi 2D	4.53	4.53	4.42	4.42	3.89	4.53	4.42	4.21	3.79	3.84
Sijil Rekabentuk dan Pembuatan Perabot	3.93	3.50	3.93	3.93	3.93	4.07	3.93	3.64	3.50	3.29
Sijil Aplikasi Perisian Komputer	4.32	4.21	4.21	4.32	3.89	4.11	4.14	4.07	3.43	3.68
Sijil Pemasangan Elektrik	4.24	4.18	4.49	4.51	3.87	4.42	4.47	3.91	3.67	3.62
Total	4.21	4.11	4.29	4.36	3.88	4.33	4.33	3.98	3.59	3.63

Jadual 5: Min mengikut program pengajian bagi sikap/personaliti

Persoalan Kajian 5: Apakah kriteria/item yang paling lemah bagi aspek sikap/personaliti mengikut enam (6) program pengajian?

Dalam konteks ini, bagi pelajar Sijil Akauntansi, kriteria soalan 5 iaitu 'melaksanakan tugas dalam jangka masa yang ditetapkan' menyumbang kriteria/item yang paling lemah iaitu 3.83. Bagi Sijil Pelancongan dan Pengembaraan, Sijil Animasi 2D dan Sijil Aplikasi Perisian Komputer, kriteria/item yang paling lemah bagi aspek ini adalah item 9 sebanyak 3.18, 3.79 dan 3.43 masing-masing iaitu menguji 'kebolehan bekerja sebagai ketua kumpulan'. Manakala, item 10 iaitu kebolehan berunding dengan pelanggan menunjukkan kriteria/item yang paling lemah bagi Sijil Rekabentuk dan Pembuatan Perabot (3.29) serta Sijil Pemasangan Elektrik (3.62).

4.1.3 Persepsi majikan terhadap kemahiran

Persoalan Kajian 2: Apakah tahap persepsi majikan terhadap kemahiran pelajar Latihan Industri Sesi November 2014 bagi enam (6) program pengajian?


Jika ditinjau daripada aspek kemahiran, penyelidik meringkaskan bahawa majikan memberikan persepsi yang baik terhadap kemahiran pelajar latihan industri KKKL. Ini kerana purata min menunjukkan 3.9724 iaitu berada di tahap baik.

BIL.	ITEM A2 : Kemahiran	MIN	TAHAP
11)	Kemampuan mengendalikan mesin/alatan kerja.	4.09	Baik
12)	Kemampuan menguasai sesuatu kemahiran baru.	3.93	Baik
13)	Mampu bekerja sendiri dengan pengawasan yang minimum.	3.94	Baik
14)	Hasil kerja menepati tahap yang ditetapkan oleh syarikat.	3.85	Baik
15)	Mampu menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan kerja.	3.83	Baik
16)	Berkemahiran dan berpengetahuan asas dalam bidang tugas.	3.77	Baik
17)	Mengamalkan aspek keselamatan dalam menjalankan tugas.	4.15	Baik
18)	Berusaha meningkatkan kemahiran dan pengetahuan.	4.20	Baik
19)	Mempunyai daya kreativiti dalam menyelesaikan masalah tugas.	3.80	Baik
20)	Ketekunan dan minat terhadap tugas yang diberi.	4.18	Baik
PURATA MIN		3.9724	

Jadual 6: Persepsi majikan terhadap kemahiran pelajar latihan industri

Persoalan Kajian 4: Apakah program pengajian yang paling lemah bagi aspek kemahiran?

Bersangkutan daripada data yang dianalisis, Sijil Pelancongan dan Pengembaraan hanya memperoleh min purata 3.6182 dan ini menjelaskan program tersebut adalah program pengajian yang paling lemah bagi aspek kemahiran tetapi masih berada di tahap yang baik.



Rajah 3: Min mengikut program pengajian bagi kemahiran pelajar

Persoalan Kajian 6: Apakah kriteria/item yang paling lemah bagi aspek kemahiran mengikut enam (6) program pengajian?

Ekoran daripada kajian yang dijalankan, item 16 iaitu 'berkemahiran dan berpengetahuan asas dalam bidang tugas' menjadikan kriteria/item yang paling lemah bagi Sijil Akauntansi (3.83), Sijil Pelancongan dan Pengembaraan (3.18) serta Sijil Animasi (3.84). Bagi Sijil Animasi 2D terdapat satu item yang berkongsi min yang sama iaitu 3.84 bagi kriteria/item yang paling lemah adalah item 15 'mampu menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan kerja'. Kriteria/item yang paling lemah bagi aspek kemahiran iaitu item 19 mempunyai daya kreativiti dalam menyelesaikan masalah tugas dinilai oleh majikan kepada pelajar Sijil Rekabentuk dan Pembuatan Perabot dan Sijil Aplikasi Perisian Komputer dengan min 3.43

dan 3.79 masing-masing. Manakala, pelajar Sijil Pemasangan Elektrik berdepan dengan kriteria/item yang paling lemah bagi soalan 14 'hasil kerja menepati tahap yang ditetapkan oleh syarikat' iaitu min sebanyak 3.80 sahaja.

Sijil	Mean									
	S11	S12	S13	S14	S15	S16	S17	S18	S19	S20
Sijil Akauntansi	4.50	4.33	4.17	4.17	4.17	3.83	4.67	4.67	4.33	4.50
Sijil Pelancongan dan Pengembaraan	3.82	3.73	3.55	3.82	3.45	3.18	3.64	3.82	3.45	3.73
Sijil Animasi 2D	4.68	4.05	4.32	3.89	3.84	3.84	4.32	4.42	3.95	4.32
Sijil Rekabentuk dan Pembuatan Perabot	3.57	3.50	3.50	3.57	3.64	3.79	4.14	3.71	3.43	3.66
Sijil Aplikasi Pensian Komputer	4.07	4.04	4.21	3.96	3.96	3.82	4.14	4.29	3.79	4.18
Sijil Pemasangan Elektrik	4.02	3.93	3.82	3.80	3.84	3.84	4.13	4.22	3.87	4.29
Total	4.09	3.93	3.94	3.85	3.83	3.77	4.15	4.20	3.80	4.18

Jadual 6: Min mengikut program pengajian bagi kemahiran

5.0 Cadangan dan Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, beberapa cadangan bagi tujuan penambahbaikan untuk membantu melahirkan pelajar dan pekerja yang kompeten diusulkan oleh penyelidik.

5.1 Cadangan Penambahbaikan

Pihak UPLI dengan kerjasama program yang terlibat perlu bekerjasama dengan industri atau majikan bagi memberi pendedahan awal kepada pelajar mengenai kriteria dan keperluan yang perlu ada pada bakal graduan seiring kehendak syarikat. Cadangan ini boleh dilaksanakan melalui penganjuran program seperti karnival kerjaya dan dialog industri di peringkat kolej.

Selain itu, lawatan ke organisasi atau syarikat yang berkaitan dengan bidang pengajian juga dapat membantu memberi gambaran awal dan membolehkan pelajar merasai suasana kerja sebelum menjalani latihan industri.

Merancang aktiviti yang berupaya untuk menguji kepimpinan sebagai ketua, mengasah idea kreatif dan meningkatkan motivasi dan membentuk disiplin pelajar untuk menjadi seorang yang seimbang dari segi rohani dan jasmani. Aktiviti ini boleh menjadi salah satu aktiviti utama yang boleh diterapkan di dalam modul Kemahiran Insaniah.

5.2 Kesimpulan Kajian

Melalui kajian ini, kesemua persoalan kajian telah berjaya dirungkai. Penyelidik merumuskan bahawa majikan memberikan persepsi yang baik terhadap kedua-dua aspek yang dinilai iaitu aspek sikap/personaliti (4.0699) dan aspek kemahiran (3.9724) pelajar latihan industri secara keseluruhannya. Hasil dapatan kajian ini diharap dapat membantu pihak UPLI dan para Pensyarah mempertingkatkan dua aspek utama iaitu sikap/personaliti dan kemahiran agar berada pada tahap yang lebih baik.

€

6.0 Rujukan

Garis Panduan Latihan Industri, Bahagian Kolaborasi dan Keusahawanan (BKK), Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, (JPKK). (2015). Kementerian Pendidikan Tinggi.

Sharifah Hana Abd Rahman, Zaini Yusnita Mat Jusoh, Rabi'ah Muhammad Serji dan Maffuza Salleh. (2015). Faktor-faktor Kepuasan Majikan Terhadap Pelajar Latihan Industri Di Institut Pengajian Tinggi (IPT): Satu Sorotan. E-Proceeding of the 2nd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization, iCASiC2015 (e-ISBN 978-967-0792-02-6), 9-10 Mac 2015.

Rashidah Abu dan Nurhuda Nizar. (2010). Kajian Prestasi Pelajar Latihan Industri Program Sijil Perakaunan Perniagaan, Kolej Komuniti Kuala Langat: Satu Tinjauan Daripada Persepsi Majikan. Seminar Penyelidikan dan Pembangunan.

Shirley Philip, Wan Fadhilah bin Wan Hitam dan Lenny Lai Mei Lan. (2011). Persepsi Majikan Terhadap Sikap dan Kemahiran Pelajar Latihan Industri. Artikel Ilmiah.

Ahmad Esa, Jailani Mohd Yunus dan Noraini Kaprawi. (2005). Persepsi Pensyarah Terhadap Penerapan Kemahiran Komunikasi Menerusi Ko Kurikulum di Politeknik. Jurnal Penyelidikan Pendidikan, Jilid 7. Putrajaya : Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia.